

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Lambakan produk kesihatan beracun

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Rakyat terdedah dengan lambakan produk kesihatan dan kosmetik beracun apabila Kementerian Kesihatan (KKM) merampas 136,518 pelbagai pil dan krim yang mengandungi barang terlarang boleh memudaratkan pengguna.

Produk yang dirampas da-

Ubat kuat,
pil pelangsing
dan barang
kosmetik paling
banyak dirampas

lam tempoh 2018 hingga Februari lalu meliputi 47,466 barangan kesihatan manakala 89,052

lagi barang kosmetik yang kesemuanya bernilai RM3.84 juta.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, Norhaliza A. Halim berkata, daripada rampasan tersebut, produk perangsang seks mengandungi racun berjadual Sildenafil/Tadalafil paling banyak disita.

Menurut beliau, produk kosmetik berkaitan barang pence-
rah kulit yang mengandungi

Mercury/Hydroquinone/Tretinoin pula merupakan kedua tertinggi dirampas.

“Penggunaan tinggi pelbagai pil pelangsing yang mengandungi Sibutramine juga banyak dikesan ketika tindakan penguatkuasaan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi bersama cawangan penguatkuasaan farmasi negeri.

Bersambung di muka 3

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

Lambakan produk kesihatan beracun

Dari muka 1

"Kebanyakan rampasan dibuat melibatkan penggunaan produk kesihatan tidak berdaftar, produk kosmetik tidak bernotifikasi dan produk-produk yang dikesan mengandungi bahan terlarang (campur palsu)," kata beliau.

Norhaliza berkata, tindakan penguatkuasaan ke atas produk kesihatan dan kosmetik dilakukan selepas Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) turut menerima laporan kesan advers daripada pengguna yang menggunakan produk-produk tersebut.

Kata beliau, antara bahan terlarang yang banyak dikesan dalam produk kesihatan seperti dexamethasone, chlorpheniramine dan sibutramine yang berisiko merosotkan fungsi buah pinggang, fungsi hati dan gangguan pada fungsi kelenjar adrenal.

Beliau berkata, hydroquinone, tretinoin, betamethasone 17-valerate dan merkuri

adalah bahan terlarang yang kebanyakan dikesan dalam produk kosmetik tidak bernotifikasi sekali gus boleh memudaratkan kesihatan.

"Penggunaan produk kosmetik yang mengandungi bahan-bahan tersebut tanpa pengawasan ahli profesional kesihatan boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan.

"Ja seperti Hydroquinone menyebabkan kemerahan pada kulit yang disapu, ketidakselesaan, perubahan warna kulit tidak diinginkan, kulit menjadi hipersensitif, boleh menghalang proses pigmentasi (depigmentasi) yang mengurangkan perlindungan kulit daripada pancaran sinar UV berbahaya dan meningkatkan risiko kanser kulit.

"Tretinoin boleh menyebabkan bahagian kulit yang disapu menjadi kemerahan, tidak selesa, pedih, mengelupas dan hipersensitif kepada cahaya matahari," katanya.

Selain itu, kata Norhaliza, merkuri boleh diserap masuk

ke dalam badan dan menyebabkan kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf.

Pada masa sama, ia juga boleh mengganggu perkembangan otak kanak-kanak yang masih kecil atau yang belum dilahirkan termasuk menyebabkan ruam, iritasi dan perubahan lain pada kulit.

Dalam pada itu, beliau menggesa setiap pengeluar produk bertanggungjawab dalam penghasilan dan pemasaran produk tanpa meraih keuntungan semata-mata.

Katanya, pengeluar dan pengedar produk perlu memastikan produk tersebut didaftar atau dinotifikasi sebelum diedarkan kepada pengguna termasuk memastikan tiada bahan terlarang di dalam produk-produk tersebut dan mesti mematuhi Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Pada masa sama, pengguna pula perlu meneliti setiap produk kesihatan dan kosmetik yang mahu digunakan

dengan mendapatkan maklumat asas tentang kandungan atau bahan digunakan dalam penghasilan produk selain proses penyediaan bagus dan berkualiti.

"Mereka boleh menyemak status pendaftaran produk dan notifikasi kosmetik dengan melayari laman sesawang rasmi NPRA iaitu www.npra.gov.my.

"Sebarang aduan boleh dikemukakan menerusi aduankos@npra.gov.my (bagi kosmetik bernotifikasi) atau ke portal rasmi Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA) <http://moh.spab.gov.my/eApps/system/index.do> untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Bagi pengguna yang ingin membuat pelaporan kesan advers yang disyaki diakibatkan oleh penggunaan ubat sebegini, laporan boleh dibuat dengan mengisi borang pelaporan untuk pengguna, iaitu Consumer Side Effect Reporting Form (ConSERF) yang boleh diakses di laman sesawang NPRA www.npra.gov.my.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : DALAM NEGERI

Lelaki paling ramai jalani rawatan dialisis tetapi jurang antara jantina semakin mengecil

60,000 mati akibat ginjal rosak

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamula.com.my


PETALING JAYA: Lebih 60,000 pesakit yang menjalani dialisis meninggal dunia berpunca daripada kegagalan fungsi buah pinggang akibat penyakit-penyakit kronik dalam tempoh 10 tahun bermula 2011 hingga 2021.

Rekod itu berdasarkan data yang dikeluarkan oleh National Renal Registry bagi pesakit yang menjalani dua rawatan dialisis iaitu hemodialisis (HD) dan dialisis peritoneal (PD).

Pesakit yang telah meninggal dunia direkodkan lebih ramai dalam kalangan mereka yang mendapatkan rawatan HD, manakala selebihnya merupakan pesakit bagi rawatan PD.

Data menunjukkan penyakit utama buah pinggang 'disumbang' oleh penyakit kencing manis atau diabetes mellitus iaitu +sebagai 50 peratus.

Ini diikuti dengan darah tinggi (hipertensi) iaitu lebih 30 peratus dan penyakit-penyakit



KOS pemerolehan mesin dialisis yang tinggi bukan sahaja mengakibatkan jumlah mesin rawatan buah pinggang itu tidak mencukupi di seluruh negara tetapi juga mengakibatkan kos rawatannya tinggi.

lain dalam peratusan yang lebih kecil. Data juga menunjukkan punca tersebut konsisten sepanjang 10 tahun lalu.

Data juga menunjukkan sejumlah 3,292 pesakit kronik buah pinggang meninggal dunia pada 2011 dan meningkat kepada 9,042 pesakit pada 2021.

Selasa lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan, jumlah mesin dialisis di negara ini tidak mencukupi bagi menampung keperluan pesakit kronik buah pinggang yang jumlahnya semakin bertambah setiap tahun.

Kekurangan fasiliti berkenaan terutama milik kerajaan

dikuatiri menyebabkan proses rawatan pesakit terutamanya mereka yang menghidap penyakit kencing manis atau diabetes tidak mencapai tahap optimum.

Keadaan itu lebih membimbangkan kerana ramai pesakit yang tidak mampu untuk

mendapatkan rawatan dialisis kerana kosnya yang tinggi iaitu sekurangnya-kurangnya RM39,790 (hemodialisis) dan RM37,576 (dialisis peritoneal) setahun bagi seorang pesakit.

Golongan lelaki pula kekal sebagai pesakit paling ramai menjalani rawatan dialisis berbanding wanita tetapi jurangnya semakin mengecil.

Dalam dua tahun kebelakangan ini, perbezaan peratusan telah kurang daripada lima peratus atau 52:48 nisbah lelaki dan perempuan berbanding 70:30 pada tahun 1970-an dan 60:40 pada tahun 1980-an.

Kadar rawatan juga bergantung kepada umur dengan peningkatan paling ketara dicatatkan dalam kalangan warga emas, berusia 65 tahun dan ke atas dan mereka yang berumur antara 55 hingga 64 tahun.

Namun, pada tahun 2021, kira-kira 80 peratus pesakit baharu dan 70 peratus daripada semua pesakit yang menjalani dialisis berada dalam kumpulan umur 45 tahun ke atas.

Dialisis: NS paling tinggi, Sabah paling rendah

PETALING JAYA: Negeri Sembilan mencatatkan kadar penerimaan pesakit dialisis yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain di seluruh Malaysia.

Menerusi laporan National Renal Registry Bab 2, Negeri Sembilan mencatat sebanyak 402 diikuti Melaka (393), Perak (361), Terengganu (355) dan Pulau Pinang (345) pada 2021.

Ketika ini, tiada data rasmi bagi kadar penerimaan pesakit yang direkodkan bagi tahun 2022.

Sementara itu, Sabah menyaksikan negeri yang mempunyai kadar penerimaan pesakit terendah iaitu hanya 140 pesakit diikuti Perlis (174), Kelantan (197), Selangor (231) dan Sarawak (242).

Secara amnya, laporan itu mendedahkan, negeri-negeri Pantai Barat di Semenanjung mempunyai kadar penerimaan pesakit yang lebih tinggi berbanding di Pantai Timur Semenanjung dan negeri-negeri Malaysia Timur.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NATION

Experts highlight food safety

Consumers need to prioritise health over desire when buying products

By KHOO GEK SAN
geksan@thestar.com.my

PETALING JAYA: Malaysian consumers, like those anywhere in the world, have had to deal with the occasional food recalls.

In the past, there were instances involving peanut butter, eggs, ice cream and soya sauce, among others.

Last week, the Health Ministry ordered the recall of two batches of instant noodles, one produced locally and another imported from Indonesia, after Taiwanese authorities said they contained a cancer-inducing substance.

Dietitians and nutritionists said there should be collaboration between government agencies, food manufacturers, distributors, retailers and consumers in food safety matters.

Nutrition Society of Malaysia

president Dr Tee E Siong said consumers are generally unable to detect chemical contaminants in food or excessive use of food additives.

"We rely on manufacturers to be responsible and adhere to food regulations governing food additives and the contaminants permitted in food."

"The Food Regulations Malaysia 1985 established clear guidelines for permitted additives and maximum residual contaminants in food," he said.

Tee said food producers must adhere to these regulations and stay informed of any changes to the rules.

The manufacturing process, he said, should be monitored to ensure no contamination in the ingredients or the machinery.

"Laboratory testing must be an integral part of the manufactur-

ing process. Manufacturers must prioritise the production of safe food.

"We rely on the Food Safety and Quality Division of the Health Ministry to collect samples from the shelves and test them in the laboratory regularly and have a surveillance programme carried out systematically," he added.

He suggested that consumers choose packaged food wisely by reading the labels, particularly products purchased for the first time.

"There must be a list of ingredients, net weight (or volume), the manufacturer's or importer's address, and the product's expiry date," he said.

He said buyers should pay attention to notices such as "contains permitted food additive".

Consultant dietitian Ng Kar Foo said that consumers should be

aware of any harmful chemicals in the food chain.

He noted that pesticide residues on food products including fruits and vegetables can cause severe health issues if it is consumed in large quantities.

"Environmental pollution can contaminate food products with heavy metals such as lead, cadmium and mercury," he said.

He said this can build up in the body and cause health issues including neurological damage, kidney damage and developmental problems.

"Artificial sweeteners, flavourings and preservatives, for example, can have health effects if consumed in large quantities."

"Some food additives may cause allergic reactions," he said.

He cited acrylamide, a chemical that occurs naturally in some food when cooked at high temper-

atures such as frying or baking, may lead to cancer.

"Bisphenol A (BPA) is a chemical found in some food packaging, including plastic containers and can linings. It has been linked to hormone disruption and other health issues and can leach into food."

"Regulatory agencies are constantly monitoring and evaluating potential public health risks posed by food contaminants and taking steps to mitigate them," he said.

Therefore, he suggested that consumers reduce their exposure to harmful chemicals by eating fresh, whole food, thoroughly washing their fruits and vegetables, avoiding overconsumption or an imbalanced diet, reading food labels, and limiting their consumption of highly processed or packaged food.